

TERMA-TERMA DAN SYARAT-SYARAT
KEMPEN DEPOSIT TETAP ELEKTRONIK CIMB 2020

Kempen

1. Kempen “**Deposit Tetap Elektronik 2020 CIMB**” (“**Kempen**”) dianjurkan oleh CIMB Bank Berhad [197201001799 (13491-P)] (“**CIMB Bank**”) dan akan berlangsung dari 1 April 2020 sehingga 30 April 2020, termasuk kedua-dua tarikh (“**Tempoh Kempen**”). CIMB Bank merizabkan hak dengan memberikan notis terdahulu yang mencukupi selama tujuh (7) hari kalendar untuk menukar jangka masa dan/atau tarikh permulaan dan/atau tamat Tempoh Kempen.

Kelayakan

2. Tertakluk kepada peruntukan-peruntukan Klausa 3 di bawah, Kempen ini adalah terbuka kepada semua:-
 - a) pelanggan individu; dan
 - b) kakitangan Kumpulan CIMB (termasuk kakitangan kontrak dan percubaan)

baru dan sedia ada, yang berumur lapan belas (18) tahun atau ke atas, dengan akaun CIMB Clicks yang aktif dan Akaun Semasa atau Akaun Simpanan (“**CASA**”) konvensional yang aktif semasa Tempoh Kempen (selepas ini dirujuk secara kolektif sebagai “**Pelanggan Layak**”), tertakluk kepada terma-terma dan syarat-syarat yang dinyatakan di sini.

“**Kumpulan CIMB**” bermaksud kumpulan syarikat-syarikat/entiti-entiti undang-undang yang mana CIMB Group Holdings Berhad, sebagai syarikat pemegang muktamad CIMB Bank yang mempunyai kepentingan kawalan, secara langsung atau tidak langsung, sama ada dengan sendirinya atau melalui anak-anak syarikatnya.

3. Individu-individu/Entiti-entiti berikut hendaklah dikecualikan dan **TIDAK** akan layak untuk menyertai Kempen ini:-
 - a) Perusahaan kecil dan serdehana/perbankan perusahaan/pelanggan komersial dan korporat sebagaimana yang ditentukan oleh CIMB Bank yang boleh termasuk tetapi tidak terhad kepada pemilikan tunggal, perkongsian, syarikat tersenarai awam, syarikat sendirian berhad, organisasi amal/bukan untung, pertubuhan dan perkongsian profesional; dan/atau
 - b) Individu di bawah umur lapan belas (18) tahun pada masa penyertaan mereka dalam Kempen ini.

Dengan menyertai Kempen ini, peserta merepresentasikan dan mengesahkan bahawa beliau tidak termasuk dalam kategori-kategori individu-individu/entity-entiti yang dikecualikan di atas.

Mekanik Kempen

4. Penempatan Deposit Tetap (“**FD**”) mesti dilakukan secara elektronik atau melalui sebarang penempatan FD atas talian menerusi CIMB Clicks. Untuk menyertai Kempen ini, Pelanggan Layak hendaklah membuka satu akaun Deposit Tetap Elektronik CIMB (“**eFD**”) di mana Pelanggan Layak mesti:-
 - a) klik pada pautan terus yang terdapat di halaman promosi laman web CIMB Clicks; atau
 - b) log masuk ke laman web CIMB Clicks (www.cimbclicks.com.my) dan klik pada sepanduk promosi berkenaan Kempen (untuk Pelanggan Layak yang terpilih sahaja)

DAN membuat satu penempatan deposit tunggal untuk jumlah minimum sebanyak **Ringgit Malaysia Lima Ribu (RM5,000.00)** untuk tempoh tiga (3) Bulan, enam (6) Bulan atau dua belas (12) Bulan dalam Tempoh Kempen.

5. Tertakluk kepada terma-terma dan syarat-syarat di sini, Pelanggan Layak yang memenuhi kriteria dalam Klausa 4 di atas hendaklah berhak kepada kadar kempen berikut berkenaan dengan eFD yang ditempatkan dengan CIMB Bank (“**Kadar Kempen**”) di bawah Kempen ini:-

Tempoh eFD	Kadar Kempen	Jumlah Penempatan Deposit Tunggal Minimum dalam akaun eFD
Tiga (3) Bulan	2.95% setiap tahun	RM5,000
Enam (6) Bulan	3.00% setiap tahun	RM5,000
Dua belas (12) Bulan	3.00% setiap tahun	RM5,000

6. Penempatan FD yang dilakukan di kaunter-kaunter fizikal di mana-mana cawangan CIMB Bank tidak akan layak kepada Kadar Kempen.
7. Kadar Kempen adalah terpakai kepada penempatan eFD untuk satu (1) kitaran sahaja.
8. Faedah yang diperolehi berdasarkan Kadar Kempen akan dibayar kepada Pelanggan Layak setelah tamat tempoh eFD yang terpakai. Sebagai ilustrasi, faedah untuk eFD dengan tempoh tiga (3) Bulan akan dibayar kepada Pelanggan Layak pada bulan keempat (ke-4), faedah untuk eFD dengan tempoh enam (6) Bulan akan dibayar kepada Pelanggan Layak pada bulan ketujuh (ke-7), manakala faedah untuk eFD dengan tempoh dua belas (12) Bulan akan dibayar kepada Pelanggan Layak pada bulan ketiga belas (ke-13).
9. Faedah yang diperolehi berdasarkan Kadar Kempen akan dikreditkan secara automatik ke dalam CASA yang dikekalkan dengan CIMB Bank atau ditambah kepada prinsipal eFD, sebagaimana yang dipilih oleh Pelanggan Layak pada masa penempatan eFD.
10. Sekiranya Pelanggan Layak ingin mengeluarkan eFD sebelum tarikh matang Tempoh eFD, penunaian/pengeluaran sepenuhnya baki dalam akaun eFD mestilah dilaksanakan. Pelanggan Layak adalah tidak layak untuk memperolehi sebarang faedah (iaitu faedah berdasarkan Kadar Kempen atau kadar semasa atau kadar kakitangan CIMB Bank, sepertimana yang terpakai) sekiranya berlakunya penunaian/pengeluaran eFD sebelum tarikh matang eFD.
11. **Pembaharuan:** Setelah kematangan eFD di bawah Kempen ini, Kadar Kempen akan berhenti terpakai dan Pelanggan Layak dengan ini bersetuju dan memberi kuasa kepada CIMB Bank untuk membaharui atau meletakkan semula (*"roll over"*) secara automatik jumlah prinsipal eFD dan faedah yang diperolehi berdasarkan Kadar Kempen (sekiranya dipilih sedemikian oleh Pelanggan Layak pada masa penempatan eFD), dan kadar semasa atau kadar kakitangan CIMB Bank yang terpakai pada deposit tetap pada masa pembaharuan atau peletakkan semula akan terpakai.
12. CIMB Bank merizabkan hak, dari semasa ke semasa, untuk mengubah Kadar Kempen dan/atau syarat Tempoh eFD, dengan memberikan Pelanggan Layak notis terdahulu empat belas (14) hari.
13. Sekiranya berlakunya perubahan Kadar Dasar Semalaman (OPR), CIMB Bank merizabkan hak untuk:
 - a) Melanjutkan, memendekkan atau menamatkan Kempen ini dengan serta-merta dengan notis oleh CIMB Bank; atau
 - b) Menyemak semula Kadar Kempen dengan serta-merta dengan notis oleh CIMB Bank.

Terma-Terma dan Syarat-Syarat Am

14. Dengan menyertai Kempen ini, Pelanggan Layak disifatkan telah membaca, memahami dan bersetuju untuk terikat dengan Terma-Terma dan Syarat-Syarat ini serta memberi kebenaran kepada CIMB Bank untuk memproses dan mendedahkan data peribadi mereka menurut Notis Privasi Kumpulan CIMB yang mana boleh didapati di www.cimbbank.com.my dan bersetuju bahawa semua keputusan yang dibuat secara adil dan munasabah oleh CIMB Bank berhubung dengan setiap aspek Kempen ini, adalah muktamad, terikat dan konklusif.

15. Keputusan CIMB Bank mengenai semua perkara yang berkaitan dengan Kempen ini, termasuk penentuan Pelanggan Layak dan kelayakan untuk Kadar Kempen adalah muktamad, terikat dan konklusif dengan syarat yang sama hendaklah kelihatan adil dan munasabah. Surat-menyurat, pertanyaan, bantahan atau percubaan untuk mempertikaikan perkara yang sama tidak akan dilayan melainkan yang sama ada disebabkan kecuaiian melampau atau keingkaran sengaja CIMB Bank
16. CIMB Bank mempunyai hak dan layak, dengan memberikan notis terdahulu dua puluh satu (21) hari, untuk mendebitkan eFD atau mana-mana akaun lain Pelanggan Layak yang dikekalkan dengan CIMB Bank pada bila-bila masa sepertimana yang dianggap sesuai olehnya bersama dengan fi berkanun, duti setem, komisyen, caj bank dan/atau caj perkhidmatan yang terpakai atau semasa
17. Akaun eFD dan CASA Pelanggan Layak (i) MESTI tidak memungkirkan terma-terma dan syarat-syarat yang mengawal akaun eFD dan CASA; DAN (ii) MESTI tidak dibekukan, ditamatkan atau ditutup atau dijadikan tertakluk kepada apa-apa penahanan, perintah bertentangan ("*adverse order*") yang dibuat oleh Mahkamah atau mana-mana pihak berkuasa yang dibenarkan oleh undang-undang, delinkuen, dan/atau tidak sah atau dibatalkan sepertimana yang ditentukan oleh CIMB Bank sepanjang Tempoh Kempen dan/atau sebelum pengkreditan faedah, jika tidak, Pelanggan Layak akan dilucut kelayakan daripada menyertai Kempen ini dan/atau layak kepada Kadar Kempen.
18. CIMB Bank merizabkan hak atas budi bicara tunggalnya untuk melucutkan kelayakan mana-mana Pelanggan Layak yang ia tentukan telah mengganggu proses penyertaan, atau bertindak memungkirkan atau berpotensi untuk memungkirkan mana-mana Terma-Terma dan Syarat-Syarat ini.
19. Dengan menyertai Kempen ini, Pelanggan Layak dengan ini bersetuju bahawa CIMB Bank tidak akan dalam apa jua cara bertanggungjawab atau dipertanggungjawabkan kepada Pelanggan Layak jika CIMB Bank tidak dapat melaksanakan secara keseluruhan atau sebahagian daripada mana-mana kewajibannya di sini, yang boleh dikaitkan secara langsung atau tidak langsung terhadap kegagalan mana-mana peranti mekanikal atau elektronik, sistem pemprosesan data, talian penghantaran, kegagalan elektrik, pertikaian industri, peperangan, mogok, rusuhan, apa-apa tindakan "*act of God*" di luar kawalan CIMB Bank atau disebabkan oleh apa-apa faktor dalam sifat *force majeure* yang berada di luar kawalan munasabah CIMB Bank.
20. CIMB Bank merizabkan hak untuk melanjutkan, memendekkan, memberhentikan, membatalkan, menamatkan atau menggantungkan Kempen ini dengan memberikan notis terdahulu empat belas (14) hari kalendar kepada Pelanggan Layak. Untuk mengelakkan keraguan, sebarang pelanjutan, pemendekan, pemberhentian, pembatalan, penamatan atau penggantungkan Kempen ini oleh CIMB Bank tidak akan melayakkan mana-mana Pelanggan Layak atau mana-mana orang lain jua kepada apa-apa tuntutan atau pampasan terhadap CIMB Bank untuk sebarang kehilangan atau kerugian yang dialami atau ditanggung oleh Pelanggan Layak sebagai akibat secara langsung atau tidak langsung oleh tindakan pelanjutan, pemendekan, pemberhentian, pembatalan, penamatan atau penggantungkan Kempen ini
21. CIMB Bank tidak akan bertanggungjawab kepada mana-mana Pelanggan Layak atau mana-mana pihak atas apa-apa kehilangan atau kerugian apa jua sifat sekalipun yang dialami (termasuk tetapi tidak terhad kepada, kehilangan pendapatan, keuntungan atau nama baik, secara langsung atau tidak langsung, sampingan, berbangkit, teladan, punitif atau ganti rugi khas mana-mana pihak) walau bagaimanapun timbul, berkenaan dengan penyertaan atau ketidak-penyertaan dalam Kempen ini melainkan yang sama timbul daripada dan disebabkan secara langsung oleh kecuaiian melampau atau keingkaran sengaja CIMB Bank.
22. CIMB Bank merizabkan hak dengan memberikan notis terdahulu dua puluh satu (21) hari kalendar untuk meminda (sama ada dengan penambahan, pemadaman, pengubahsuaian, pindaan atau apa-apa jua) ("**Pindaan**") mana-mana Terma-Terma dan Syarat-Syarat di sini. Pemberitahuan kepada Pelanggan Layak berkenaan dengan Pindaan akan dilaksanakan mengikut budi bicara mutlak CIMB melalui mana-mana satu kaedah komunikasi berikut, iaitu, melalui paparan komunikasi elektronik di laman web CIMB Clicks di mana peruntukan-peruntukan terperinci berkenaan dengan Pindaan boleh dibekalkan dalam notis tersebut sendiri atau boleh diberikan kepada Pelanggan Layak atas permintaan; atau melalui apa-apa kaedah pemberitahuan lain yang boleh dipilih oleh CIMB Bank dan Pindaan akan dianggap terikat ke atas Pelanggan Layak dari tarikh pemberitahuan Pindaan atau dari tarikh lain seperti yang boleh dinyatakan oleh CIMB Bank dalam pemberitahuan. Pelanggan Layak mengakui dan bersetuju untuk mengakses laman

web CIMB Bank pada selang masa yang tetap untuk menyemak Terma-Terma dan Syarat-Syarat Kempen dan memastikan bahawa mereka sentiasa mengikuti apa-apa perubahan atau perubahsuaian kepada Terma-Terma dan Syarat-Syarat ini.

23. Tiada pampasan dalam tunai atau apa jua jenis akan diberikan kepada Pelanggan Layak untuk sebarang kerugian atau kehilangan yang dialami atau ditanggung oleh Pelanggan Layak sebagai akibat langsung atau tidak langsung oleh Pindaan Terma-Terma dan Syarat-Syarat di sini.
24. Terma-Terma dan Syarat-Syarat (yang dipinda dari semasa ke semasa menurut Klausula 22) hendaklah mengatasi mana-mana peruntukan atau representasi yang terdapat dalam mana-mana bahan promosi lain yang mengiklankan Kempen ini. Terma-Terma dan Syarat-Syarat ini akan dibaca bersama dengan terma-terma dan syarat-syarat semasa akaun eFD dan CASA dan terma-terma dan syarat-syarat semasa yang mengawal akaun eFD dan CASA yang akan digunapakai sebagai tambahan kepada Terma-Terma dan Syarat-Syarat di sini. Terma-terma dan syarat-syarat yang mengawal akaun eFD dan CASA boleh didapati di www.cimbbank.com.my.
25. Terma-Terma dan Syarat-Syarat ini hendaklah tertakluk kepada pemakaian mana-mana undang-undang, garis panduan, arahan, notis, peraturan semasa yang digubal dan/atau mana-mana undang-undang bertulis lain atau yang dikeluarkan oleh Bank Negara Malaysia atau mana-mana badan lain yang mempunyai kuasa penyeliaan ke atas CIMB Bank berkenaan dengan atau terpakai terhadap Kempen atau apa-apa perkara di sini.
26. Jika terdapat sebarang ketidaksejajaran, percanggahan, kesamaran atau kepincangan di antara versi Bahasa Malaysia dan Bahasa Inggeris Terma-Terma dan Syarat-Syarat di sini, versi Bahasa Inggeris Terma-Terma dan Syarat-Syarat ini akan mengatasi yang lain. Walau apa pun yang dinyatakan di atas, di mana permintaan telah dibuat oleh Pelanggan Layak dan dicatat dan diakui oleh CIMB Bank dalam rekodnya bahawa versi Bahasa Malaysia terma-terma dan syarat-syarat yang mengawal akaun eFD dan CASA telah dipilih oleh Pelanggan Layak untuk mengawal operasi penggunaan akaun eFD dan CASA Pelanggan Layak, maka versi Bahasa Malaysia Terma-Terma dan Syarat-Syarat ini akan mengatasi yang lain.
27. Bagi maklumbalas dan/atau aduan berkaitan dengan Kempen ini, Pelanggan Layak boleh menghubungi Unit Resolusi Pelanggan CIMB Bank yang mempunyai alamat, nombor telefon dan alamat e-mel berikut (atau mempunyai alamat, nombor telefon dan alamat e-mel lain sepertimana yang boleh ditukarkan oleh CIMB Bank melalui notifikasi kepada Pelanggan Layak): Unit Resolusi Pelanggan, P.O. Box 10338, GPO Kuala Lumpur, 50710 Kuala Lumpur Tel: +603 6204 7788 / CRU@cimb.com.